



کمنتريين حال احوال دالم نكري

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PELAN DE-ESCALATION TAHAP KELIMA "NEW NORMAL" KEBENARAN MENGADAKAN PAMERAN JUALAN, BAZAR ATAU EXPO BERMULA HARI ISNIN, 08 MAC 2021

Bermula hari Isnin, 08 Mac 2021, pelaksanaan Pelan *De-Escalation* bagi mengadakan Pameran Jualan atau Bazar adalah dinaikkan ke **Tahap Lima "New Normal"**. Di tahap ini penganjur dan pengunjung pameran jualan, bazar atau expo yang melibatkan bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah dikehendaki untuk:-

BAGI PENGANJUR:

1. Pihak penganjur dikehendaki untuk menyediakan kod QR Bruhealth yang khusus dan seterusnya mencetak kod QR tersebut dalam jumlah yang mencukupi dan dilekatkan di beberapa kawasan yang sesuai seperti kawasan pintu masuk premis untuk diimbis oleh pelanggan sebelum masuk dan sejurus sebelum meninggalkan premis. Bagi memudahkan pengunjung-pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas kod QR tersebut, pihak penganjur adalah dikehendaki menyediakan buku daftar bagi mencatat butiran peribadi pengunjung.
2. Jumlah pengunjung yang dibenarkan untuk masuk ke dalam pameran jualan, bazar atau expo adalah dihadkan kepada **1,000 orang sahaja pada satu masa** mengikut garispandu perkumpulan ramai (mass gathering) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.
3. Pengurus premis/ penganjur digalakkan menyediakan *hand sanitiser* di pintu-pintu masuk kawasan pameran jualan, bazar atau expo.
4. Pengurus premis/ penganjur untuk mengadakan kawalan bersesuaian bagi kawasan pameran jualan, bazar atau expo.



کمنتريين حال احوال دالم نكري

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

5. Pekerja bagi pameran jualan, bazar atau expo khususnya pengendali/ penyedia makanan adalah digalakkan untuk menggunakan penutup muka yang bersesuaian dengan tugas pengendali makanan.
6. Pihak pengurus premis/ penganjur adalah digalakkan untuk mengadakan pemeriksaan suhu badan pengunjung sebelum memasuki pameran jualan, bazar atau expo.
7. Mana-mana pekerja pameran jualan, bazar atau expo yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.
8. Penganjur yang mengadakan pameran jualan, bazar atau expo yang melibatkan bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah menghadapkan permohonan kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui sistem Onebiz. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi talian Darussalam 123;
9. Mana-mana penganjur pameran jualan, bazar atau expo yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204; dan
10. Penganjur pameran jualan, bazar atau expo adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

BAGI PENGUNJUNG:

1. Para pengunjung hendaklah mengimbas kod QR sebelum memasuki kawasan pameran jualan, bazar atau expo. Para pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas kod QR bolehlah mengisikan butiran peribadi ke dalam buku daftar yang disediakan oleh pihak penganjur.
2. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand*

**Disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

22 Rejab 1442 / 06 Mac 2021



كمنتريين حال احوال دالم نكري

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

sanitizer serta menggunakan sungkup muka apabila berada di kawasan yang penuh sesak.

3. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjunginya pameran jualan, bazar atau expo sehingga telah sembuh.